

PADANKAN FAKTOR PEMILIHAN REKA BETUK PRODUK BERSAMA DEFINISINYA DENGAN BETUL

Keselamatan	●	●	Reka bentuk terkini, menepati cita rasa pasaran semasa, menarik perhatian dan mempengaruhi pengguna, mempunyai pelbagai pilihan warna dan bentuk.
Ergonomik	●	●	Kos pembuatan dan penyelenggaraan yang menjimatkan dan efektif.
Nilai komersial	●	●	Hiasan terakhir permukaan yang bersesuaian, kemas dan menarik.
Rupa bentuk	●	●	Mampu menyelesaikan masalah, berkecekapan tinggi dan berfungsi secara manual, semi automatik atau automatik.
Bahan	●	●	Reka bentuk dan bahan yang kekal tidak berubah, tidak ketinggalan zaman dan sesuai dengan peredaran zaman.
Nilai estetik	●	●	Mudah dihasilkan mengikut fungsi, rupa bentuk, bahan-bahan atau kos yang menjimatkan.
Teknik pembuatan	●	●	Sesuai dengan semua peringkat umur, mudah digunakan, mudah dikendalikan dan diselenggarakan oleh orang yang tidak mahir.
Kemasan	●	●	Menjamin keselamatan, tidak mendatangkan kecederaan, stabil, tidak mudah terbalik. Reka bentuk tidak membahayakan pengguna seperti tidak mempunyai bucu yang tajam dan mata pemotong terlindung.
Kelestarian	●	●	Alatan, kemudahan, proses dan sistem yang selesa serta serasi dengan manusia.
Fungsi	●	●	Bahan mudah diperolehi, mudah dibentuk, mudah dikendalikan, tidak mudah reput, tidak mudah pecah dan mempunyai ketahanan fizikal.
Mesra pengguna	●	●	Rekaan yang dihasilkan perlu mempunyai rupa bentuk yang bersesuaian dengan fungsi dan pengguna sasaran.
		●	Harga yang berpatutan dan berkualiti, mendapat permintaan dan menjadi pilihan pengguna, menjimatkan dan ekonomi, mampu dibeli dan sesuai untuk pengeluaran besar-besaran (mass production).